



Transformasi isteri nelayan

Identiti KUNITA telah dikenali dan menjadi agenda utama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Persatuan Nelayan untuk melahirkan seberapa ramai usahawan dari kalangan KUNITA yang menghasilkan produk-produk perikanan.

SENTUHAN tangan seorang ibu telah melahirkan para pemimpin yang ada pada hari ini.

Tidak hairan jika kita katakan bahawa wanita adalah penyumbang

yang amat besar kepada tamadun dunia.

Secara zahimnya wanita dilihat lemah dan lembut tetapi dengan sifat yang ada pada mereka ini tidak menggambarkan bahawa semua kerja dan tanggungjawab yang berat

tidak boleh dipikul oleh mereka.

Wanita nelayan kini telah mula berani untuk melangkah menceburi bidang perniagaan terutama dalam menghasilkan produk-produk pemrosesan hasil perikanan, perkhidmatan seperti jahitan, katering, homestay dan kraftangan.

Wanita nelayan melalui pertubuhan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) menjalankan aktiviti terutamanya aktiviti ekonomi untuk menambahkan pendapatan bagi meringankan beban keluarga.

Identiti KUNITA telah dikenali dan menjadi agenda utama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Persatuan Nelayan untuk melahirkan seberapa ramai usahawan dari kalangan KUNITA yang menghasilkan produk-produk perikanan.

Hakikatnya walaupun produk KUNITA saban hari semakin meningkat, namun kelemahan di peringkat pemasaran amat terasa sekali dan jauh ketinggalan dibanding dengan produk-produk yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha individu tempatan.

Hasrat untuk memperluaskan pemasaran produk-produk KUNITA ke pasar raya tidak



dapat dilaksanakan memandangkan kebanyakan produk KUNITA tidak memenuhi standard yang ditetapkan terutamanya dari segi kualiti, kuantiti dan pengeluaran berterusan serta keselamatan makanan yang perlu mendapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan.

Justeru pelbagai usaha telah dilakukan oleh LKIM untuk membantu KUNITA bagi mempergiat dan memperbesarkan pasaran mereka dengan menyediakan bengkel untuk menjalankan aktiviti ekonomi dan mempromosikan produk mereka seperti di ekspo, pameran dan seumpamanya.

Apa yang membanggakan, ada di kalangan KUNITA yang gigih dan terus berusaha untuk memasarkan produk mereka walaupun terdapat halangan-halangan yang terpaksa dihadapi.

Contohnya terdapat hasil produk KUNITA telah menembusi ke pasaran luar negara seperti KUNITA Kongkong Laut menjual

ANTARA produk kraf-tangan yang dihasilkan oleh Kunita Pahang.



PENGLIBATAN isteri nelayan dengan aktiviti KUNITA dapat membantu menambah pendapatan keluarga.

produk makanan ringan ke Dubai dan Singapura, KUNITA Miri menghasilkan belacan yang bermutu dan dapat menjualnya ke Brunei, KUNITA Pahang telah dapat menghasilkan kraftangan mengkuang dengan menembusi pasaran ke Singapura, Thailand dan Taiwan.

Penyertaan wanita nelayan dalam perniagaan melalui KUNITA sekurang-kurangnya dapat mengubah tanggapan masyarakat bahawa wanita nelayan tidak lagi terbelenggu dengan pemikiran negatif dan telah menjadi wanita yang cekal dan bersaing dengan kumpulan wanita lain.

